

16 MAR 1996

Mahathir-Tugu

PROJEK BESAR DI MALAYSIA BUKAN TUGU, KATA DR MAHATHIR

BINTULU, 16 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan kononnya pelbagai projek besar yang sedang dilaksanakan di negara ini adalah semata-mata tugu, sambil menjelaskan Malaysia mempunyai hak untuk membangunkannya.

Perdana Menteri berkata tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak boleh mempunyai projek besar sedemikian ketika negara sedang mencapai kemajuan.

"Ia kelihatan seperti tugu tetapi ia bukanlah tugu bagi kita," katanya ketika mengulas dakwaan sesetengah pihak kononnya projek seperti Menara Kembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Menara Kuala Lumpur dan kompleks pejabat kerajaan Persekutuan di Putra Jaya, Selangor adalah semata-mata tugu.

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan serentak tiga projek -- Taman Perindustrian Bintulu Baru, Borneo Paper and Pulp Sdn Bhd dan Sarawak Pulp and Paper Sdn Bhd -- di sini yang membabitkan kos berjumlah RM26,000 juta.

"Saya beri jaminan kepada semua orang, tempatan atau asing, bahawa kita tidak berminat membina tugu-tugu," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia berhak untuk membina bangunan yang lebih tinggi daripada bangunan tertinggi di dunia jika ia mahu berbuat demikian.

Tidak ada sesiapa yang perlu merasa dipersenda atau atau sakit hati apabila negara membangun seperti Malaysia memilih untuk membina "tugu" sedemikian walaupun ia sebenarnya bukan tugu.

Perdana Menteri berkata dalam melaksanakan projek-projek raksasa seperti Projek Elektrik Hidro Bakun, pembekal-pembekal peralatan dan kejenteraan harus peka terhadap keperluan negara.

"Kita mahu memaksimumkan sumbangan tempatan dalam projek-projek ini, kita mahu meminimumkan import dan memaksimumkan penggunaan produk, kemahiran dan bahan-bahan tempatan.

"Mereka harus memaksimumkan kandungan tempatan...kita tidak mampu mengimport 100 peratus tetapi perlu seimbang daripada sumber-sumber tempatan termasuk penggunaan kontraktor dan kontraktor kecil tempatan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kerajaan berusaha sedaya mungkin untuk mengurangkan defisit imbalan perdagangan negara.

Pada Disember tahun lepas, negara berjaya menikmati lebih sebanyak RM650 juta.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sabah Datuk Salleh Said, Menteri-menteri Persekutuan dan Sarawak serta pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli korporat.

Taman Perindustrian Bintulu Baru yang akan dibangunkan dalam tempoh antara 10 tahun dan 20 tahun dengan kos kira-kira RM20,000 juta meliputi kawasan seluas 15,000 hektar. Ia dibangunkan secara bersama oleh Sarawak Pulp Industries Sdn Bhd dan Bintulu Development Authority (BDA).

Projek Borneo Paper and Pulp Sdn Bhd (BPP) bernilai RM3,000 juta yang terletak di Tatau, tidak jauh dari sini, merupakan usaha sama yang melibatkan juga Asia Pulp and Paper Co Ltd yang disenaraikan di New York manakala projek Sarawak Paper and Pulp Sdn Bhd yang juga bernilai RM3,000 juta adalah usaha sama antara syarikat disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, PWE Industries Bhd dan RGM International Group yang beribu pejabat di Indonesia. -- BERNAMA

AHM NAK MAI